

22/10/2003

`Saya terima Perisytiharan Apec'

Hishamuddin Aun; Khaidir Abdul Majid; Zainab Mohd Yatim
SEJAK ketibaannya di Bangkok, Ahad lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi tumpuan wartawan asing yang membuat liputan Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec). Ramai yang mengusahakan temu bual dengannya tetapi kecuali wawancara dengan akhbar Bangkok Post, selebihnya terpaksa menunggu hingga ke hari terakhir persidangan. Semalam, Perdana Menteri mengadakan sidang akhbar di Pusat Konvensyen Ratu Sirikit yang diujungi pelbagai soalan menjelang persaraannya akhir bulan ini. Ikuti rentetan sidang akhbar berkenaan seperti dilaporkan Hishamuddin Aun, Khaidir Abdul Majid dan Zainab Mohd Yatim.

DR MAHATHIR: Saya mahu menjelaskan laporan yang menyatakan semalam saya ditarik tepi oleh Presiden Bush dan dicela oleh beliau. Saya tidak tahu macam mana orang boleh membuat kesimpulan itu kerana saya tahu dengan nyata tiada seorang pun mendengar apa yang dikatakan beliau kepada saya.

Saya ingin menjelaskan bahawa beliau ada menarik saya ke tepi untuk menerangkan kepada saya kenapa beliau membuat kenyataan keras terhadap diri saya dan saya memberitahu beliau saya memahaminya. Itu saja dan tiada lebih daripada itu.

SOALAN: Adakah anda berpuas hati dengan Perisytiharan Apec Bangkok dan adakah ia mengambil kira kebimbangan anda?

DR MAHATHIR: Tiada apa yang terkandung dalam Perisytiharan Apec yang boleh saya tolak. Saya menerima perisytiharan itu kerana ia membawa ke arah terjemahan yang saya mahukan terhadap matlamat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Kedua, ada beberapa pendapat yang menyatakan bahawa Cancun (mesyuarat peringkat menteri WTO di bandar Mexico bulan lalu) bukanlah kegagalan dari perspektif negara membangun.

Ia dianggap berjaya, walaupun secara terhad, kerana untuk julung kalinya negara membangun bangkit bersatu untuk menyatakan tidak setuju mereka kepada apa yang dibincangkan di mesyuarat berkenaan. Ada beberapa pemimpin menyetujui pandangan saya ini.

SOALAN: Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra sebelum ini berkata mesyuarat pemimpin Apec bersetuju melihat punca keganasan. Apakah anda mempunyai idea jelas mengenai punca keganasan ini?

DR MAHATHIR: Saya mempunyai idea yang jelas mengenai punca keganasan dan menerangkannya kepada mesyuarat. Sudah semestinya bagi mereka yang tidak terbabit secara terus dengannya, agak sukar untuk memahami punca itu. Saya memberitahu mesyuarat kita mungkin tidak bersetuju dengan apa yang menjadi punca keganasan itu, tetapi kita boleh setuju untuk menelitinya dan membolehkan kita menanganinya. Tindakan secara ketenteraan saja tidak akan berjaya. Saya menjelaskan daripada pengalaman Malaysia, selain tindakan ketenteraan, kita juga melaksanakan langkah untuk mengurang atau membasmi punca keganasan ini, sekali gus menghakis sokongan terhadap tindakan penganas.

SOALAN: Apakah kenyataan anda mengenai Yahudi menjejaskan hubungan dengan negara Apec lain?

DR MAHATHIR: Tidak, ia tidak menjejaskannya. Saya memberitahu pemimpin Apec saya tidak boleh mengkritik negara Islam tanpa pada masa yang sama menunjukkan kesilapan dan tindakan yang salah oleh Yahudi. Saya tidak nampak sesiapa membantah pandangan saya. Tiada siapa berkata apa-apa yang menentang saya (pada mesyuarat itu). Jelas, akhbar ada membuatnya, tapi bukan pemimpin Apec.

SOALAN: Sudikah anda melawat Israel untuk menjelaskan kenyataan itu dan pada masa yang sama melawat Timur Tengah untuk membantu mencari penyelesaian kepada konflik Israel/Palestin?

DR MAHATHIR: Saya akan membuatnya selepas pemimpin Yahudi melawat negara Islam dan menerangkan kenapa mereka mengecam orang Islam sebagai pengganas. Saya rasa syarat itu adalah adil. Selepas mereka melakukan itu, saya akan mengunjungi Tel Aviv untuk menjelaskan kenapa saya menyatakan semua itu.

SOALAN: Apa yang akan anda nyatakan untuk menjelaskan ucapan itu?

DR MAHATHIR: Ucapan saya adalah amat jelas. Saya berkata Yahudi ada seluruh dunia di belakang mereka, sehingga mereka boleh membelakangkan PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu). Ini bermakna mereka sudah menjadi kuasa dunia.

SOALAN: Ramai yang sudah menyatakan perhubungan AS dengan negara Islam adalah pada tahap yang terburuk. Apakah yang boleh dilakukan untuk memperbaiki keadaan?

DR MAHATHIR: AS adalah negara paling popular selepas perang dunia kedua. Kami sendiri sangat menyokong AS. Namun, selepas itu dasar AS berubah. Negara itu tidak lagi menghulur bantuan, tidak menghantar sukarelawan untuk membantu. Sebaliknya, AS menggunakan kekuatannya, terutama selepas menjadi kuasa tunggal dunia. Mereka cuba mengenakan sekatan, mengancam untuk menggunakan tindakan ketenteraan walaupun atas alasan yang tidak terbukti. Sekarang AS tidak disukai oleh banyak negara. Anda mungkin menidakkan perkara ini tetapi itulah pandangan saya. AS seharusnya menggunakan cara lain, selain daripada menggunakan kekuatan. Saya mengesyorkan AS tidak dengan sewenang-wenangnya mengenakan sekatan, sebaliknya cuba untuk memahami masalah yang dihadapi kerajaan dalam mentadbir negara. Ini adalah kerana sesuatu negara mempunyai masalah tersendiri yang perlu ditanganinya. Saya memberitahu perbincangan (Apec) apabila sesebuah negara menghadapi ancaman, mereka akan mengambil sesuatu tindakan. Malaysia sebagai contohnya menahan pengganas sebelum kejadian 11 September kerana kita tahu apa yang mereka rancangkan. Ketika itu kita dikecam dan kini orang yang mengecam kita juga mengambil tindakan preventive detention.

SOALAN: Mesyuarat Apec Bangkok adalah terakhir bagi anda. Apakah yang boleh anda kata mengenai proses Apec?

DR MAHATHIR: Saya disuruh menyatakan satu dua perkataan pada jamuan tengah hari ketika mesyuarat pemimpin, kerana saya dan Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien akan meletakkan jawatan tidak lama lagi. Saya memberitahu mereka bahawa saya adalah orang yang dikecam sebagai degil kerana tidak menghadiri mesyuarat Apec pertama (di Blake Island, Amerika Syarikat pada 1993). Saya memberitahu ini adalah kerana kita merasakan komitmen dan fokus kita seharusnya kepada Asean dan Asia Timur, sebelum menjalin kerjasama dengan negara lain di seberang pasifik. Oleh kerana semua orang mahukan penubuhan Apec, kita tidak ada pilihan, melainkan mengikut saja. Dalam proses itu, kita diberi peluang menyuarakan pandangan dan Apec terbukti berguna kepada kita. Kita sudah menjalin perhubungan yang baik dengan banyak negara, termasuk Presiden Bush. Saya perlu akui bahawa beliau ada memetik kata-kata saya dalam perbincangan. Pada peringkat peribadi, kita tidak mempunyai sebarang pertelingkahan dan ini adalah sesuatu yang baik mengenai Apec. Ia membolehkan kita mengenali ramai orang dan kita dapat mengemukakan pandangan kita melalui Apec.

SOALAN: Perdana Menteri Australia, John Howard, menyifatkan hubungannya dengan anda sebagai hubungan yang tegas. Mengapa hubungan itu menjadi begitu buruk?

DR MAHATHIR: Ia menjadi begitu bukan kerana saya. Kalangan pemimpin Australia sendiri yang membuat komen jahat dengan mengatakan saya sebagai

degil dan John Howard membuat kenyataan yang sama. Malah, mereka mempertikaikan sistem kehakiman kami seolah-olah kami tidak memahami undang-undang dan keadilan. Hakikatnya, sejarah menunjukkan Malaysia tidak menganiaya Orang Asli negara ini, dan kami tidak membunuh mereka. Oleh itu, sekiranya kita mahu mengkritik orang lain, selidik dulu latar belakang. Saya tidak mempunyai masalah dengan Australia. Ada ramai orang Australia di Malaysia dan kami mengalu-alukan mereka.

SOALAN: (soalan tidak jelas)

DR MAHATHIR: Ini adalah perkembangan terbaru terhadap golongan pelampau, sama ada pelampau Islam atau fundamentalis, dan mereka yang menggelar golongan ini berkongsi pandangan yang sama. Dan kini terdapat pandangan yang berat sebelah. Sekiranya anda Muslim dan menjadi tentera, kita menganggap mereka angkatan Muslim. Sangat ketara adanya kemungkinan pelampau yang bukan Muslim, tetapi juga golongan Nasrani yang digolongkan sebagai penentang Palestin dan Yahudi dan perkembangan ini membimbangkan. Orang Asia adalah stabil, kami bukan pelampau, dan kami tidak menentang Palestin, Yahudi dan militan Nasrani Asia. Kami berpendapat perkembangan yang berlaku adalah perang membabitkan kawasan dan mereka yang terbabit perlu mempertahankan tanah air sendiri. Perang dalam sempadan Palestin ini tidak akan menyumbang sebarang makna kepada rantau berkenaan. Sesiapa yang cuba mengambil tanah yang dimiliki oleh sempadan orang lain akan berhadapan dengan kemungkinan berperang dengan negara berkenaan.

SOALAN: Sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri, anda disifatkan sebagai seorang pemimpin yang kuat dan disegani tetapi kejayaan yang dicapai seiring dengan kontroversi anda?

DR MAHATHIR: Umumnya, semua keputusan yang dibuat di Malaysia adalah keputusan Kabinet. Saya tidak membuat sebarang keputusan tanpa mendapat persetujuan Kabinet walaupun ketika berhadapan dengan krisis mata wang. Cadangan pertama saya ditolak oleh Kabinet. Oleh itu, saya berpendapat Kabinet memiliki pendapatnya sendiri dan ia akan terus berperanan walaupun selepas lama saya meninggalkannya. Dasar yang saya ambil tidak berbeza dengan dasar yang diamalkan oleh Perdana Menteri pertama. Mungkin cara saya melaksanakan dasar itu lebih daripada yang dibuat sebelum ini kerana saya bersedia untuk lebih berkeras tetapi pemimpin yang lain tidak.

SOALAN: Anda memulakan sidang akhbar ini dengan menerangkan mengenai kenyataan yang dibuat oleh Bush bahawa beliau tidak marah, tetapi kenyataan yang dibuat oleh jurucakap Amerika Syarikat ialah Bush begitu tegang ketika pertemuan itu. Adakah ini menunjukkan kenyataan yang anda buat bercanggah dengan kenyataan yang dibuat kepada Bush sendiri?

DR MAHATHIR: Sudah tentu Bush tidak marah, beliau cuma mahu memberitahu mengenai kenyataan yang dibuat terhadap saya adalah terlampau tegang. Mungkin saya perlu tanya semula kepada Bush apa yang dikatakannya sebab saya tersalah dengar, tetapi pendengaran saya masih baik. Selepas itu kami masih berjalan seolah-olah berpegang tangan, jadi apa orang boleh kata mengenai hubungan ini. Beliau turut menyapa isteri saya, bercakap dengan saya dan saya turut bercakap dengannya dan kami menyertai Sidang Kemuncak Apec seperti biasa.

SOALAN: Anda membuat kenyataan mengenai perdagangan adil boleh menjadi perdagangan bebas tetapi perdagangan bebas boleh menjadi tidak adil. Sejauh mana kenyataan anda diterima oleh pemimpin Apec yang lain?

DR MAHATHIR: Perdagangan bebas mungkin tidak akan menjadi adil, tetapi perdagangan adil boleh menjadi perdagangan bebas. Hubungan sebuah negara dengan negara lain bukan saja untuk menjalin kerjasama, tetapi untuk mendapat manfaat bersama. Itu dasar Apec. Malah, sekiranya kita berbincang mengenai perdagangan bebas, kita juga mesti membincangkan mengenai perdagangan yang adil dan inilah yang sepatutnya ditekankan dalam agenda WTO.

SOALAN: Sejak beberapa tahun dulu, China berjaya mendekatkan diri dengan negara Asia Tenggara menerusi proses Asean, manakala Amerika Syarikat pula semakin kurang pengaruh di rantau ini. Setakat mana tindakan yang diambil oleh Amerika Syarikat untuk cuba menjalin hubungan dengan Asia Tenggara dan pada masa yang sama China semakin meningkatkan pengaruhnya?

DR MAHATHIR: Amerika Syarikat nampaknya cuba mendapatkan pengaruh secara keseluruhan, dan mahu berinteraksi dengan negara di Asia Tenggara dan inilah sebabnya Presiden Bush melawat negara di Asia Tenggara.

Memandangkan Apec merangkumi separuh saiz perdagangan dunia, penting untuk diketahui sama ada terdapat tindak balas daripada China untuk meningkatkan pengaruhnya, tetapi sudah tentu Bush bimbang dan mahu memastikan negaranya mempunyai pengaruh yang lebih besar di Asia.

SOALAN: Apakah manfaat yang dapat diraih daripada persaingan antara Amerika Syarikat dan China di Asia Pasifik?

DR MAHATHIR: Apabila wujud persaingan, akan ada lebih banyak pilihan yang ditawarkan, justeru kita mendapat kelebihan dari segi pilihan.

SOALAN: Berkaitan isu di Myanmar, mungkinkah negara itu akan disingkirkan daripada Asean?

DR MAHATHIR: Menyingkirkan sesebuah negara adalah langkah paling akhir yang akan diambil, dan setakat ini Asean belum mencapai tahap itu. Di Bali kami mendengar kenyataan yang dibuat oleh wakil Myanmar dan semua negara anggota Asean berpendapat tidak akan mencetuskan masalah kepada Myanmar seperti mengenakan sekatan atau sebagainya.

SOALAN: Apakah hasil perbincangan anda dengan Thaksin?

DR MAHATHIR: Kami adalah negara berjiran, malah kawasan Parlimen yang saya wakili betul-betul bersempadan dengan Thailand dan kami mahu terus mengeratkan hubungan. Kami sudah mengenal pasti bidang yang boleh diteroka bersama. Saya begitu menghargai diplomasi yang ditunjukkan oleh Thaksin kerana beliau memiliki hubungan yang baik dengan semua jiran negaranya sehingga beliau mencadangkan diadakan mesyuarat Kabinet Thailand dengan Kabinet Malaysia. Beliau juga mahu melakukannya dengan negara lain di Asia Tenggara dan ini adalah diplomasi baru, 'Diplomasi Thaksin' dan ia adalah perkembangan yang akan kami sokong.

SOALAN: Menteri Luar Indonesia Hassan Wirayuda antara lain menyatakan Australia perlu memperbaiki imejnya di rantau ini. Perdana Menteri Singapura pula mengandaikan Australia barangkali mendapati sukar untuk diterima di rantau ini kerana rakyatnya bukan dari rumpun yang sama. Apa pandangan anda?

DR MAHATHIR: Sama ada mereka daripada keturunan serumpun atau tidak, Australia boleh meningkatkan ikhtiar agar diterima di Asia. Sebaliknya Australia terus mencanangkan peranan sebagai timbalan sheriff. Itu tidak dihargai oleh negara Asia. Kita tidak boleh memiliki rakan yang juga bertindak sebagai polis yang mengawasi kita. Kita mahu memiliki rakan, iaitu rakan yang menyerupai kita. Bukannya rakan yang terus-menerus menasihati kita apa yang harus dilakukan sebagai negara demokrasi, mengkritik sistem yang kita amalkan atau apa saja. Semua ini tidak memperlihatkan mereka sebagai sebuah negara Asia. Negara Asia tidak perlu sibuk mengajar rakyat negara lain bagaimana negara mereka harus ditadbir.

SOALAN: Dalam mesyuarat di kalangan pemimpin, adakah Presiden George W Bush membangkitkan subjek kadar tukaran anjal dan secara amnya, apakah pandangan anda terhadap mata wang Yuan dan Ringgit?

DR MAHATHIR: Kami ada menyentuh soal perubahan, iaitu perubahan struktur. Saya diberi kesempatan oleh Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, memandangkan kehadiran saya kali ini adalah yang terakhir, untuk bercakap mengenai perlunya perubahan terhadap rejim kewangan antarabangsa. Saya menjelaskan latar belakang krisis kewangan Asia Timur dan mengapa tidak harus membiarkan sebilangan kecil orang merosakkan

ekonomi seluruh rantau ini. Ia turut dibangkitkan oleh wakil Hong Kong dan Korea Selatan. Rata-rata kami berpendapat bahawa rejim kewangan perlu direnungkan semula dan melakukan perubahan terhadapnya. Perubahan harus dilakukan supaya apa yang berlaku pada 1997-98 tidak akan berulang. Ketika ini, tiada apa-apa yang dapat menghalang penyangak mata wang. Dengan mengambil kira jumlah wang yang boleh disasarkan mereka, barangkali mereka mahu melakukan serangan sekali lagi yang boleh memusnahkan bukan saja ekonomi negara Asia Timur tetapi juga Russia, Turki, Argentina dan Itali juga tidak terkecuali. Maka, kita perlu memberi perhatian serius terhadap kerangka kewangan antarabangsa.

SOALAN: Adakah wajar untuk anda mengkritik Myanmar atas tindakannya terhadap Aung San Suu Kyi sedangkan anda menahan (Datuk Seri) Anwar Ibrahim? Anda juga mencadangkan demokrasi ala Barat mungkin bukan yang terbaik bagi sesetengah negara Asia.

DR MAHATHIR: Benar, kami bersikap kritikal terhadap Myanmar tetapi kami juga akur dengan pelbagai masalah yang dihadapi negara itu. Myanmar juga menyedari masalah kami sendiri. Kerana itulah kami tidak mendesak dilaksanakan demokrasi liberal di mana rakyat boleh merusuh setiap hari bagi menumbangkan kerajaan atau melancarkan mogok untuk tujuan yang sama. Kita perlu melaksanakan demokrasi tetapi biarlah ia demokrasi asas yang bermaksud rakyat berhak memilih kerajaan tanpa perlu mengadakan revolusi. Itulah tujuan demokrasi sebenarnya. Lagipun demokrasi memiliki banyak interpretasi dan pelbagai cara melaksanakannya. Kita ada demokrasi berparlimen, pemerintahan presiden, begitu juga kita ada presiden yang memiliki kuasa dan presiden yang tidak. Pelbagai sistem turut diperkenalkan dan kesemuanya mendakwa sebagai demokrasi. Jadi, demokrasi bukanlah monopoli negara tertentu dan bukan hanya untuk mereka menginterpretasikannya. Orang lain juga boleh membuat interpretasi sendiri. Kami percaya, apabila demokrasi dipaksakan ke atas mana-mana negara yang tidak mengenali pemerintahan demokrasi, satu-satunya akibat ialah kekeliruan terhadap fungsi kerajaan. Untuk seketika, akan berlaku kacau-bilau. Maka, peralihan daripada pemerintahan kerajaan authoritarian kepada demokrasi hendaklah berlaku secara beransur-ansur, dengan mengambil kira demokrasi Barat mengambil masa hampir 200 tahun untuk sampai ke tahapnya kini. Sebarang harapan agar negara baru akan menjadi demokratik semalaman, bukan saja tidak berasas malah sebenarnya kejam.

SOALAN: Berkaitan keganasan, satu daripada puncanya ialah ekstremisme dalam Islam dibenarkan berkembang di sekolah agama di Asia Tenggara. Adakah ia akan membantu dengan mengawasi atau menutup sekolah agama, khususnya di Malaysia dan Indonesia?

DR MAHATHIR: Kita perlu mencari puncanya untuk mengatasi masalah ini. Saya juga ingin menyatakan bahawa keganasan juga wujud di kalangan bukan Islam, termasuk penganut Kristian, sama ada Katolik atau Protestan, malah juga penganut Hindu dan Buddha. Mereka juga harus melihat kepada puncanya dan mengatasinya. Di Malaysia, kami mendapati apa yang dikatakan sekolah agama ini bukanlah mengajar ajaran Islam, sebaliknya politik kebencian. Ada sebuah parti yang menggelar dirinya parti Islam, dalam bercita-cita untuk memenangi pilihan raya, memilih untuk menanamkan kebencian terhadap kerajaan yang ada. Hanya disebabkan mereka tidak boleh berdebat dari segi agama, mereka hanya bercakap mengenai kebencian. Apabila mereka menyemaikan kebencian di kalangan kanak-kanak, kami berasa masanya sudah tiba untuk menghentikannya. Kerana itulah kami berhenti memberikan bantuan kepada sekolah seperti ini.

SOALAN: Menjelang persaraan anda, adakah anda menimbang untuk membebaskan Anwar Ibrahim?

DR MAHATHIR: Saya bukan raja yang boleh memberi pengampunan pada setiap

hari jadi. Saya hanya seorang perdana menteri yang juga tertakluk kepada undang-undang. Undang-undang menggariskan apabila seseorang didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah, terpulang kepada mahkamah untuk mendengar rayuannya. Di Malaysia, kami mempunyai tiga tingkatan mahkamah. Selepas didapati bersalah buat kali pertama, pesalah boleh merayu kepada satu lagi tingkatan mahkamah dan jika pun gagal, ada satu lagi tingkatan mahkamah untuk rayuan dikemukakan. Jika gagal di peringkat itu pun, masih ada Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong. Terpulang kepada lembaga itu untuk menentukan keputusan selanjutnya. Jadi, bukanlah untuk saya menyatakan menjelang , saya mahu membebaskan semua tahanan di Malaysia. Saya akan menjadi popular di kalangan tahanan ini tetapi saya tidak fikir saya akan menjadi popular di kalangan rakyat.

SOALAN: Adakah anda juga cenderung untuk memeterai perjanjian perdagangan bebas dengan negara lain di luar Asia Tenggara?

DR MAHATHIR: Ketika ini kita memiliki perjanjian perdagangan bebas di kalangan negara Asean atau Afta. Dalam pada itu, ada satu atau dua negara memilih untuk menandatangani FTA dengan negara lain di luar Afta. Dalam hubungan ini, Malaysia tidak harus ketinggalan. Kami memutuskan untuk mengadakan FTA dengan Jepun, China, Amerika Syarikat dan negara lain. Tetapi saya jua khuatir FTA antara dua negara mempunyai kesan memperkecilkan FTA secara multilateral. Ia mengakibatkan mereka melangkah ke depan terlalu cepat hingga boleh menyebabkan kerosakan kepada ekonomi masing-masing.